

## PEMBAYARAN PTPTN: Panduan Tindakan Bagi Pelajar Berstatus Gagal Bayar

BIL	PERKARA	TINDAKAN
1.	Pemakluman <b>status gagal bayar</b> kepada pelajar melalui <b>emel</b>	PTPTN
2.	<p><b>Pelajar TIADA Akaun Simpanan-i Pro RHB (atau akaun sedia ada telah ditutup / “auto-closed”)</b>                      - Pelajar perlu hadir ke mana-mana Cawangan RHB seluruh negara dengan membawa bersama dokumen di bawah untuk proses pembukaan Akaun Simpanan-i Pro RHB</p> <p><b>Jika anda berumur 18 tahun dan keatas:</b>                      i. Kad Pengenalan asal (MyKad/MyTentera)                      ii. Surat Tawaran dari Universiti / Surat Pengesahan Pelajar</p> <p><b>Jika anda berumur di bawah 18 tahun:</b>                      i. Sijil Kelahiran asal                      ii. Kad Pengenalan asal                      iii. Surat Tawaran dari Universiti / Surat Pengesahan Pelajar</p> <p><b>Nota Penting:</b>                      Anda perlu ditemani oleh Ibu Bapa atau Penjaga untuk proses pembukaan akaun. Jika anda tidak ditemani oleh ibu atau bapa, anda perlu ditemani oleh Penjaga dan membawa bersama dokumen sokongan sebagai bukti hubungan; contoh Surat Kuasa Penjaga atau lain-lain dokumen yang berkenaan.</p>	PELAJAR
3.	<p><b>Pelajar BELUM MENGAKTIFKAN Akaun Simpanan-i RHB Pro</b>                      - Pelajar perlu hadir ke mana-mana Cawangan RHB seluruh negara dengan membawa bersama dokumen di bawah untuk proses pengaktifan Akaun Simpanan-i Pro RHB:</p> <p>i. Kad Pengenalan asal (MyKad/MyTentera)                      ii. Kad Debit-i RHB MySiswa (Jika ada)</p>	PELAJAR
4.	<b>Pemakluman nombor Akaun Simpanan-i Pro RHB terkini</b> kepada pihak IPT/PTPTN untuk tujuan kemaskini (pelajar berkait Bil 2. dan 3.)	PELAJAR
5.	<b>Pembayaran semula</b> / seterusnya kepada Akaun Simpanan-i Pro RHB yang telah Berjaya dibuka/ dan diaktifkan (Proses Pembayaran di PTPTN akan dilakukan pada 16hb & 30hb setiap bulan)	PTPTN
6.	<p><b>Pelajar TIDAK DIBENARKAN MEMBUKA Akaun Simpanan-i Pro RHB</b>                      - RHB akan menghantar surat makluman rasmi kepada pelajar yang terlibat                      - Pelajar untuk maklumkan kepada PTPTN/IPT berkenaan status 'Tidak Dibenarkan Membuka Akaun'                      - PTPTN untuk menyalurkan bayaran melalui proses pembayaran alternatif</p>	<p>RHB PELAJAR</p> <p>PTPTN</p>

**NOTA:** Akaun Simpanan-i Pro RHB / RHB Pro Savings Account-i